



AL-HUDA

# الهدى

**NASKAH PERCUMA**

Keluaran 17. Bil. 1/2021

## Dirikanlah *Solatmu* Di Awal Waktu

**Ruangan Tokoh**

**ALMARHUM TUAN GURU  
HAJI ALI BIN HAJI AHMAD**





**Fakhurrazi bin Md Mahdzir**  
 Penolong Mufti Kanan (Rujukan Maklumat)  
 fakhurrazi\_mahdzir@penang.gov.my

# Pena Editor

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi atas limpahan kurnia yang diberikan, Buletin Al-Huda masih dapat diteruskan penerbitannya pada kali ini. Sesungguhnya nikmat kurniaan Allah ini tiada terhitung nilainya.

Dunia hari ini masih lagi diselubungi dengan pandemik Covid-19. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak pemerintah untuk membendung pademik ini yang semakin hari terus merebak. Ini dibuktikan dengan statistik jumlah pesakit yang berubah naik dan turun bilangannya tanpa mengira usia dan latar belakang. Negara kita juga tidak terlepas dari pandemic yang melanda ini sehingga memaksa pihak kerajaan terus meningkatkan langkah pencegahan.

Sebagai umat Islam, kita sentiasa diperingatkan mengenai qada dan qadar yang ditentukan oleh Allah ﷻ. Justeru, selain dari langkah pencegahan yang dilakukan, juga hendaklah sentiasa berdoa memohon perlindungan dari Allah ﷻ. Segala yang berlaku ini adalah ketetapan dan perancangan dari-Nya untuk menguji akan hamba-hamba-Nya. Pertingkatkan amal ibadah kita agar ianya menjadi bekalan untuk kita.

Buletin Al-Huda pada terbitan ini, ingin mengimbau semula pembaca mengenai waktu solat. Solat merupakan rukun Islam yang perlu ditunaikan dalam waktu-waktu yang ditetapkan. Kadang-kala kita lihat bermulanya waktu solat subuh pada jam 5:40 pagi, ada ketikanya bermula pada jam 6:20 pagi. Mengapakah perubahan ini berlaku? begitu juga dengan waktu solat yang lain yang dilihat seringkali berubah-ubah waktunya. Ini semua berlaku selaras dengan pergerakan putaran bumi mengelilingi matahari. Oleh itu, kita hendaklah peka waktu-waktu solat ini, agar kita sentiasa solat dalam waktunya. Malah kita adalah digalakkan untuk menunaikan solat di awal waktu.

Semoga dengan apa yang dimuatkan dalam terbitan Al-Huda pada kali ini dapat menambahkan pengetahuan dan memberikan manfaat kepada pembaca sekalian.

## Kandungan AL-HUDA

- 2 Pena Editor
- 3 Minda Mufti:  
Ilmu Falak dan Implikasinya dalam Ibadah
- 5 Fokus:  
Dirikanlah Solatmu di Awal Waktu
- 6 Irsyad Hukum:  
Penilaian Semula Nilai Altitud Matahari di Bawah Ufuk Bagi Penentuan Awal Waktu Solat Subuh di Pulau Pinang
- 8 Lensa Al-Huda
- 9 Wacana Ilmiah:  
Mahu Jadi Manusia Serba Tahu
- 10 Tokoh:  
Tn. Guru Haji Ali bin Haji Ahmad
- 11 Aktiviti Jabatan
- 13 Berita Jabatan
- 15 Kemusykilan Agama:  
Hukum solat Jemaah wanita apabila tirai dibuka di masjid
- 17 Pentadbiran
- 19 Komik

### Sidang Redaksi

**PENAUNG**  
 Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
 (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

**PENASIHAT**  
 Haji Yusoff bin Haji Abu Bakar  
 (Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang)

**KETUA EDITOR**  
 Fakhurrazi bin Md. Mahdzir

**PENOLONG KETUA EDITOR**  
 Fairus Ain binti Abdul Aziz

**SIDANG PENOLONG EDITOR**  
 Dr. Mohammad Zaki bin Hj. Abdul Halim  
 Muhammad Haniff bin Baderun  
 Mohd Rizuan bin Idrus

**FOTOGRAFI**  
 Siti Asmah binti Abdul Manap



**Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
wansalim@penang.gov.my

# ILMU FALAK & IMPLIKASINYA DALAM IBADAH

Ilmu falak merupakan cabang ilmu yang mempunyai hubungan rapat dengan kehidupan manusia. Sedar atau tidak kaedah falak diaplikasikan dalam beberapa aktiviti harian kita. Sebagai contoh, berdasarkan peredaran bintang di langit manusia telah menggunakannya sebagai petunjuk arah dalam pengembaraan di darat dan pelayaran di laut.

Ilmu Falak merupakan ilmu yang mengkaji pergerakan dan sifat-sifat objek samawi seperti matahari, bulan, bintang-bintang, buruj-buruj, planet, dan objek-objek lain di langit. Daripada aspek Islam penggunaan falak lebih terarah kepada urusan ibadah harian iaitu menentukan arah kiblat, waktu solat dan permulaan puasa bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah.

Solat fardu misalnya hendaklah ditunaikan dalam waktu yang telah ditentukan seperti dinyatakan dalam firman Allah ﷻ ayat 103 surah al-Nisa' yang bermaksud: *...“Sesungguhnya solat itu ketetapan yang diwajibkan yang tertentu waktunya kepada orang yang beriman.”*

Manakala puasa fardu pula hendaklah dimulakan atau ditamatkan dengan melihat anak bulan seperti maksud hadis nabi ﷺ: *“Jika kamu melihatnya maka berpuasalah dan jika kamu melihatnya lagi maka berbukalah. Apabila kalian terhalang oleh awan maka perkirakanlah jumlahnya (jumlah hari disempurnakan).”*

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan tentang kejadian langit dan bumi, peredaran siang dan malam, pergerakan bintang, buruj, matahari dan bulan. Semua ini adalah sebahagian daripada ilmu falak. Secara kesimpulannya ilmu falak ini membawa manusia kepada menghayati kebesaran dan kekuasaan Maha Pencipta.

## Perhitungan Waktu Solat

Solat fardu diwajibkan ke atas orang Islam yang baligh dan berakal sebanyak 5 kali sehari. Setiap Muslim wajib menunaikan solat mengikut waktu yang telah ditetapkan tanpa melengahkan kerana solat mempunyai sempadan waktu yang telah ditetapkan oleh Allah ﷻ. Para ulama' fiqh

telah bersepatat mengenai waktu-waktunya yang ditetapkan. Maka kita hendaklah mengetahui dengan sebaiknya bilakah bermulanya dan berakhirnya waktu solat tersebut agar tidak tersalah dalam melaksanakan ibadah, dan ibadah yang dilakukan diterima di sisi Allah ﷻ.

Melalui kaedah falak kita dapat mempelajari dan menentukan waktu bermulanya dan berakhirnya solat. Umum mengetahui solat subuh bermula dengan terbitnya fajar sadiq, waktu zohor apabila matahari berubah daripada kedudukan tegak, dan begitulah dengan waktu-waktu yang lain yang dihubungkan dengan perubahan siang dan malam.

Berpandukan perkiraan pada masa kini, kita telah dimudahkan untuk mengetahui waktu bermulanya solat kerana telah disediakan takwim waktu solat sebagai panduan. Saban tahun, dikeluarkan takwim tersebut yang dihasilkan berpandukan kepada perhitungan ahli falak.

## Perubahan Waktu Subuh

Umum mengetahui mengenai perubahan waktu solat subuh di Malaysia bermula pada penghujung tahun 2019 yang lalu. Namun masih ramai yang tertanya-tanya mengapa perubahan ini berlaku. Untuk penjelasan, perubahan ini adalah hasil penemuan yang dilakukan oleh para penyelidik dan pengkaji ilmu falak di Malaysia berkaitan dengan hitungan waktu solat khususnya permulaan fajar sadiq.

Dalam kitab-kitab fiqh, sering diperjelaskan mengenai bermulanya waktu subuh ialah ketika terbit fajar sadiq dan berterusan hingga matahari terbit. Fajar ialah keluarnya belahan cahaya putih dari timur, ia dinamakan sedemikian kerana sifatnya yang memancar.

Ketika waktu pagi sebelum terbitnya matahari, terdapat sinaran cahaya di langit yang terdiri dari 2 jenis iaitu **fajar kazib** dan **fajar sadiq**. Fajar kazib ialah bayangan cahaya yang muncul di ufuk timur, memancar dari bawah mengarah ke atas di tengah-tengah langit. Manakala fajar sadiq ialah fajar yang muncul sesudah fajar kazib. Cahayanya putih dan menyerlah serta kelihatan mendatar mengikut garis lintang ufuk timur dan perlahan-lahan menyebar naik ke langit. Ulama' bersepakat bahawa fajar inilah (fajar sadiq) yang terpakai dalam penetapan hukum syarak bagi permulaan masuknya waktu subuh.

Waktu solat subuh di negara kita diamalkan sejak sebelum merdeka dihitung berdasarkan sudut tunduk atau nilai altitud matahari pada kedudukan **20 darjah** di bawah ufuk. Jadual waktu solat subuh ini dihitung oleh ahli-ahli falak Tanah Melayu seperti **Sheikh Tahir Jalaluddin** di dalam kitabnya, **Pati Kiraan** yang diterbitkan pada tahun 1938. Kiraan inilah yang digunakan dalam menentukan waktu subuh sebelum ini.

Perkembangan teknologi telah membantu pengkaji-pengkaji membuat penyelidikan dan semakan semula berhubung darjah altitud matahari ini dengan lebih baik. Selepas kajian penyelidikan secara mendalam dan menyeluruh dengan menggunakan pelbagai kaedah oleh pakar-pakar falak di Malaysia didapati hitungan sudut tunduk atau nilai altitud matahari berada pada **18 darjah** di bawah ufuk adalah lebih tepat dalam penentuan permulaan waktu solat subuh di Malaysia. Pertimbangan inilah yang menyebabkan mengapa berlakunya perubahan waktu solat subuh di seluruh Malaysia.

Di samping itu, kita tidak perlu rasa gusar tentang solat subuh sebelum ini yang menggunakan altitud matahari pada 20 darjah di bawah ufuk. Solat tersebut tetap dihukumkan **sah** dan **tidak perlu diqadha atau diganti** setakat sebelum tarikh ketetapan baru ini dikuatkuasakan. Ini adalah kerana walaupun had waktu solat sabit secara *qat'ie*, namun penentuannya adalah *zanni* yang tertakluk kepada ijtihadiah berdasarkan penyelidikan-penyelidikan dan bergantung pada apa yang telah diputus dan dipersetujui oleh Ulama' dan *ulil amri* sebagai pemerintah.

### Kesimpulan

Islam amat kaya dengan kepelbagaian ilmu termasuklah ilmu falak. Allah ﷻ telah memberikan segala bentuk panduan di dalam al-Quran untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada kita. Malah bagi memudahkan pemahaman diutuskan rasul-rasul untuk membantu.

Apabila timbulnya sesuatu penemuan baru yang membawa kepada perubahan sesuatu hukum, maka perkara ini perlu diperhalusi agar ia nya tidak menimbulkan keraguan dan kecelaruan dalam masyarakat. Pendekatan berhikmah dengan ilmu yang ada memudahkan segala urusan. Dalam isu perubahan waktu solat subuh yang berlaku ia bukanlah sesuatu yang dilakukan dalam tempoh yang singkat, sebaliknya ia adalah hasil kajian yang telah dilakukan dengan penuh ketelitian dan diperhalusi di pelbagai peringkat sebelum keputusan muktamad ini dibuat. Perubahan ini juga bukan sekadar melibatkan waktu bermulanya solat subuh tetapi ia juga melibatkan bermulanya ibadah puasa pada hari tersebut.

Implikasi perubahan ini juga memberikan kesedaran dalam kalangan umat Islam terhadap kepentingan ilmu falak dalam urusan ibadah kita.





# DIRIKANLAH SOLATMU DI AWAL WAKTU

Tertegaknya sebuah rumah disebabkan kukuh tiangnya. Begitu juga tertegaknya agama dalam diri seorang insan yang beriman ialah apabila sempurna solatnya. Ini adalah kerana solat itu tiang agama. Daripada Mu'az bin Jabal ؓ, bahawa Nabi ﷺ bersabda: *"Pokok segala urusan ialah Islam, tiangnya ialah solat dan kemuncaknya adalah berjihad."* (Riwayat al-Tarmizi)

Solat juga yang menjadi penghubung atau jambatan di antara kita dengan Allah ﷻ. Ia menjadi keutamaan dan penentu untung nasib di akhirat kelak. Sekiranya sempurna solat yang dikerjakan, maka akan sempurna segala ibadat yang lainnya. Dalam al-Quran terdapat tidak kurang 100 ayat yang membicarakan tentang solat. Antaranya firman Allah ﷻ menerusi surah al-Nisa, ayat 103 yang bermaksud: ...*"Sesungguhnya solat itu ketetapan yang diwajibkan yang tertentu waktunya kepada orang yang beriman."*

Banyak hikmah yang tersembunyi di sebalik amalan solat, khususnya berkaitan ketetapan waktu yang telah disyariatkan. Solat boleh ditafsirkan sebagai jalan atau petunjuk Allah ﷻ, untuk membimbing kita supaya sentiasa menghargai dan menepati masa. Berdisiplin dan merancang dalam menentukan perkara yang prioriti dalam urusan kehidupan seharian. Rasulullah ﷺ mengingatkan kita: *"Solat pada awal waktu akan memperoleh keredaan Allah ﷻ dan di akhirnya mendapat keampunan-Nya."* (Riwayat al-Tarmizi)

Daripada Ibn Umar ؓ, beliau berkata bahawa telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah ﷺ lalu bertanya apakah perkara yang paling disukai oleh Allah ﷻ di dalam Islam? Nabi ﷺ bersabda: *"Solat pada waktunya, barang siapa yang meninggalkan solat maka tiadalah agama baginya dan solat itu merupakan tiang agama"*. (Riwayat al-Baihaqi)

Selepas mendirikan solat, bertebaranlah semula di muka bumi Allah ﷻ untuk mencari rezeki. Seperti mana firman Allah ﷻ dalam surah al-Jumu'ah, ayat 10 yang bermaksud: *"Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah limpah kurniaan Allah, serta ingati Allah ﷻ sebanyak-banyaknya (dalam setiap keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)."*

Menerusi solat, secara tidak langsung kita diajar supaya bijak menguruskan masa. Kita juga diasuh menjadi mukmin yang berpegang kepada amanah dan menepati janji kepada Allah ﷻ. Kita dilatih menjadi manusia yang teliti dan fokus dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Namun begitu, hakikatnya ramai di kalangan kita yang mendirikan solat, jiwa dan fikiran tidak wujud pada ketika melaksanakannya. Apa yang terjadi hanyalah sekadar melakukan gerakan berdiri, rukuk dan sujud tanpa makna. Tanpa penghayatan dan keinsafan. Malah lebih malang apabila mendirikan solat dalam keadaan terpaksa atau merasa dipaksa untuk melakukannya, bukan secara rela dan bersyukur kerana dapat melaksanakannya.

Sebaliknya, jika solat kita itu benar, maka Allah ﷻ akan menganugerahkan lima perkara yang amat dihajati oleh setiap makhluk yang bergelar manusia:

1. Hidupnya dijamin akan diberi **kemudahan** (surah al-Baqarah: 2-3; surah al-Thalaq: 2-3)
2. **Hati** menjadi **tenang dan damai** (surah al-Ra'du: 28; surah Ta-ha:14)
3. **Doanya dikabulkan** oleh Allah (surah ali-Imran: 38-39; )
4. Dijamin **kebahagiaan dan kejayaan** dalam segenap perkara yang dilakukan. (surah al-Mukminun: 1-2 )
5. Pasti menjadi **orang baik** (surah al-Baqarah: 45-46; surah al-Nisa: 103; surah al-Hujurat:12 )

Sekiranya kita belum mendapatkan kelima-lima anugerah itu atau salah satu daripadanya, maka ada yang salah pada cara pelaksanaan solat kita itu. Ini adalah kerana pada setiap tindakan, gerakan dan bacaan solat itu ada makna dan falsafahnya. Kebanyakan kita mungkin hanya fokus untuk mempelajari cara melakukan gerakan sehingga makna utama dan penghayatan pada pelaksanaan solat itu diabaikan dan tidak diberi keutamaan.

Justeru, sebagai mukmin yang beriman kepada Allah ﷻ, peliharalah solat khususnya di awal waktu kerana tindakan yang betul dalam menentukan prioriti akan memberikan kesan yang signifikan di samping menjaga hak solat dengan sebaiknya. Natiuhnya cukup besar kepada kehidupan bukan sekadar di dunia, malah yang paling utama di akhirat kelak.

Jom..., beristiqamahlah solat pada awal waktu!

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2020 yang bersidang pada 5 dan 6 Februari 2020 telah memutuskan seperti berikut: Mesyuarat memperakukan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-116 yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja mengenai penetapan permulaan waktu Subuh di Malaysia adalah menggunakan nilai altitud matahari 18 darjah di bawah ufuk. Perubahan ini menyebabkan waktu solat Subuh sedia ada perlu ditambah secara purata 8 minit. Bagi seluruh negeri Pulau Pinang, pelaksanaan ketetapan baru ini berkuatkuasa mulai 8 Februari 2020/14 Jamadilakhir 1441H (Sabtu).

## PENENTUAN WAKTU SOLAT

Kewajipan solat jelas termaktub di dalam al-Quran dan as-Sunnah dengan ditentukan bilangan rakaat dan waktu-waktunya. Hitungan waktu solat dipermudahkan dengan kemahiran, penguasaan dan kemajuan ilmu falak. Manakala bagi masyarakat awam pula, menjadi kebiasaan bagi mereka merujuk jadual-jadual waktu solat yang telah diterbitkan mengikut negeri dan zon masing-masing.

## DALIL WAKTU SOLAT

“Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah ﷻ semasa kamu berdiri atau duduk dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram maka dirikanlah sembahyang. **Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang yang beriman yang tertentu waktunya**”.

(An-Nisa': 103)

## WAKTU-WAKTU SOLAT

### SUBUH

Bermula dengan zahirnya fajar sadiq (صادق) dan ia berterusan sehingga terbit matahari.

Dari Abdullah bin 'Amr bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: *Sedangkan waktu solat Subuh adalah (mulai) dari fajar menyinsing selama matahari belum terbit. Apabila matahari telah terbit, tahanlah diri dari solat kerana ia terbit di antara dua tanduk syaitan.* (S a h i h Muslim, Hadis No.1388)



Kedadaan Ufuk Ketika Waktu Subuh

### Perubahan Waktu Subuh di Pulau Pinang

#### Perubahan Permulaan Waktu Subuh di Pulau Pinang

Mulai :  
8 Februari 2020  
14 Jamadilakhir 1441H

- Setiap pusingan bumi sebanyak 1° akan mengambil masa 4 minit.
- Oleh itu : 1° = 4 minit



- Sekarang ini kita mengguna pakai kedudukan Matahari pada nilai 20° di bawah ufuk sebagai permulaan Fajar Sadiq (awal waktu Subuh).
- Penemuan terbaru selepas kajian yang dilaksanakan mendapati nilai 18° di bawah ufuk adalah lebih menepati kepada permulaan Fajar Sadiq.

#### Pengiraan terbaru

$$20^{\circ} \times 4 \text{ minit} = 1 \text{ jam } 20 \text{ minit} \quad | \quad 20^{\circ} - 18^{\circ} = 2^{\circ}$$

$$18^{\circ} \times 4 \text{ minit} = 1 \text{ jam } 12 \text{ minit} \quad | \quad 2^{\circ} \times 4 \text{ minit} = 8 \text{ minit}$$

- Solat Subuh berdasarkan waktu terdahulu adalah sah dan tidak perlu diqadha (diganti) setakat sebelum tarikh ketetapan baru ini dikuatkuasakan.
- Jadual Waktu Subuh terkini boleh dirujuk dan dimuat turun di Laman Rasmi Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang atau Portal e-Solat JAKIM.

#### Cara pengiraan waktu Subuh yang terbaru :


$$\text{Waktu Subuh sekarang} + 8 \text{ minit} = \text{Waktu Subuh terbaru}$$

contoh: 6.17am + 8 minit = 6.25am (Waktu terbaru)

## ZUHUR

Bermula apabila tergelincir matahari ke arah Barat. Ketika itu, setiap objek yang berjisim akan mempunyai sedikit bayang yang mula menjadi panjang dan bayang tersebut menuju ke arah Timur.

Dari Abdullah bin 'Amr bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: *Waktu Zuhur adalah ketika matahari tergelincir (dari posisi tepat di atas kepala) iaitu (mulai dari) bayang-bayang seseorang setinggi dirinya, selama waktu Asar belum tiba.* (Sahih Muslim, Hadis No.1388)




Kedudukan Matahari Waktu Zuhur

## MAGHRIB

Bermula dari terbenamnya seluruh lingkaran matahari dan hingga hilangnya mega (cahaya) berwarna merah di langit. (Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah - الفقه على المذاهب الأربعة). Cahaya merah ialah saki baki daripada kesan cahaya matahari yang timbul ketika terbenam. Kemudian cahaya tersebut akan hilang sedikit demi sedikit ditelan oleh kegelapan malam. Apabila kegelapan semakin menebal dan menular ke arah ufuk Barat serta kesan cahaya merah hilang bermakna berakhirnya waktu Maghrib dan masuklah waktu Isyak.

Dari Ibnu Abbas bahawa Nabi ﷺ bersabda: .... *Kemudian dia solat Maghrib ketika matahari terbenam dan tiba waktu buka puasa...* Abu Isa berkata: Terkait dengan bab ini ada pula hadis riwayat Abu Hurairah, Buraidah, Abu Musa, Abu Mas'ud al-Ansari, Abu Sa'id, Jabir, Amr bin Hazm, al-Bara', dan Anas.

(Jami' at-Tirmidzi, Hadis No.149)



Keadaan Matahari Ketika Waktu Maghrib

## ASAR

Bermula apabila berakhirnya waktu Zuhur dan ia berlanjutan sehingga terbenamnya matahari.

Dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: *Orang yang mendapatkan satu rakaat solat Subuh sebelum matahari terbit, dia telah mendapatkan solat Subuh; orang yang mendapatkan satu rakaat solat Asar sebelum matahari terbenam, dia telah mendapat solat Asar.*

(Sahih Bukhari, Hadis No.579)



Kedudukan Bayang Tiang Waktu Asar


## ISYAK

Bermula apabila berakhirnya waktu Maghrib. Ia berterusan sehingga terbit fajar sadiq ( صادق ). Mazhab Syafi'e berpendapat waktu ihtiyati ( وقت احتياطي ) bagi solat Isyak ialah kita tidak melewatkannya lebih daripada 1/3 pertama daripada malam. (Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah - الفقه على المذاهب الأربعة).

Dari Ibnu Abbas bahawa Nabi ﷺ bersabda: ...*Lalu dia solat Isyak ketika cahaya merah di langit telah menghilang...*

Abu Isa berkata, Terkait dengan bab ini ada pula hadis riwayat Abu Hurairah, Buraidah, Abu Musa, Abu Mas'ud al-Anshari, Abu Sa'id, Jabir, Amr bin Hazm, al-Bara', dan Anas.

(Jami' at-Tirmidzi, Hadis No.149)



Keadaan Matahari Ketika Waktu Isyak



Pameran Sempena Jelajah Khaira Ummah 2030  
8 Januari 2021  
Masjid Negeri Pulau Pinang



Wacana Falak Siri 1/2021  
10 Mac 2021  
Penang Digital Library



Program Pendidikan Falak Siri 1/2021  
16 Mac 2021  
Klinik Cure & Care, Bukit Mertajam



Mesyuarat Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang  
23-24 Mac 2021  
Mercure Hotels, Pulau Pinang



Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang was live.  
Published by Siti Asmah on 29 March 2021  
Kuliah Tafaqah Siri1/2021 (Part 1) Pengajian Kitab Anak Kunci Syurga (Bab Puasa) oleh Sobibul Fadilah Tuan Guru Hj Mohd Salim Bin Shaimi.  
JMNPP, KOMTAR (FB Live)



Sesi Cerapan Matahari  
3 April 2021  
PFST



Majlis Cerapan Rasmi Hilal Ramadan 1442H  
14 April 2021  
PFST



Diskusi Falak Siri 1/2021  
26 April 2021  
FB Live & Google Meet



Penyertaan WORLD #QuranHour  
6 Mei 2021  
JMNPP, KOMTAR (ZOOM)



# MAHU JADI MANUSIA SERBA TAHU?

Perhatikan sekeliling kita. Sama ada kita perasan atau tidak manusia seperti ini wujud. Mereka boleh muncul secara tiba-tiba atau secara tidak sengaja dalam pelbagai keadaan. Ada sebab dan dorongan mereka berkelakuan demikian. Boleh jadi desakan untuk melariskan produk yang dijual. Mungkin juga mahu memaksa pandangannya diterima orang. Atau memang jenis perangainya yang 'buat tau', 'sebang kemaih', dan 'cakap tak jatuh'. Apa pun sebab, mereka telah bertukar menjadi manusia serba tahu.

Mereka seolah-olah doktor bila mempromosi produk kesihatan. Seolah-olah ahli ekonomi mengulas untung rugi pelaburan atau perniagaan. Seolah-olah saintis bila bercakap tentang keupayaan vaksin. Seolah-olah angkasawan bila menghurai hakikat angkasa lepas. Seolah-olah mekanik bila berceletoh tentang kondisi kenderaan. Paling selalu kita lihat 'ustaz jadian' berbicara tentang hukum hakam dan kefahaman Islam.

Cuba kita jengah ke universiti, tempat berkumpul manusia yang diakui tahu-tahu. Daripada gelaran doktor hingga profesor ada di situ. Ajukan masalah kesihatan yang *complicated* pada seorang profesor undang-undang, tentu beliau tidak tahu kerana di luar bidang pengkajiannya. Gelar profesor yang disandang tidak menjadikan seseorang itu pakar serba serbi melainkan dalam bidang tertentu sahaja. Menjawab tidak tahu ialah akhlak yang mulia dan tidak sama sekali merendahkan martabatnya. Dari berusaha mereka-reka jawapan yang tidak pasti.

Pendedahan terhadap bidang-bidang yang pelbagai menjadikan masing-masing saling menghormati kepakaran yang ada. Tidak meremehkan bidang-bidang lain. Kerana setiap bidang itu mempunyai cabang-cabang kerumitan yang tersendiri. Evolusi bidang-bidang pengajian sendiri berlaku dengan pesat dan pantas. Seiring dengan perkembangan dunia teknologi. Jika dahulu tajuk itu hanya satu topik atau skop dalam satu bidang pengajian kini, topik itu telah berkembang membentuk disiplin pengajiannya tersendiri. Seperti ilmuwan silam dalam bidang falak yang mengkaji pergerakan badan cakerawala. Pengkajian pada waktu itu sesuai dengan keupayaan dan teknologi yang ada. Kini, bidang itu telah berkembang dengan memanfaatkan teknologi yang ada sehingga membentuk disiplin pengajian tersendiri seperti bidang astronomi. Demikian sifat ilmu dan alam yang sentiasa berkembang. Justeru, bolehkah kita mendakwa

bidang astronomi ialah sesuatu yang asing dari Islam hanya kerana ia nya dipelopori oleh orang bukan Islam atau tidak pernah dibahaskan oleh ulama' terdahulu. Sedangkan mereka yang mengembangkan bidang ini telah mendapat inspirasi daripada ulama' terdahulu juga. Jika ilmuwan silam itu berada pada zaman ini, pasti mereka yang paling ter ke hadapan menguasai instrumen dan teknologi sekarang. Sebagaimana mereka pernah mencipta astrolab dan seumpamanya pada zaman mereka.

Disebabkan itu juga seorang ahli ilmu selalu merendah diri (Az-Zumar: 9). Semakin mengkaji, semakin dirasakan banyak yang tidak diketahui berbanding yang diketahui. Justeru, kita akan dapati seorang doktor perubatan tidak mampu membaiki sendiri kenderaannya yang rosak. Dia terpaksa dapatkan khidmat kepakaran mekanikal yang tidak dimilikinya. Begitulah sebaliknya. Seorang mekanik terpaksa dapatkan khidmat kepakaran perubatan yang tidak dimilikinya apabila sakit. Kitaran ini sentiasa berlaku dalam segenap aspek kehidupan manusia. Keupayaan kita masih terbatas walaupun kita merupakan sebaik-baik kejadian (At-Tin: 4). Saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain (Al-Hujurat: 13).

Walaupun kita berusaha jadi serba tahu, hakikatnya tidak semua perkara kita tahu. Berdisiplinlah dengan bercakap atau menulis dalam ruang lingkup yang kita yakin tahu sahaja (Riwayat al-Bukhari: 10). Hindarilah perkara yang samar-samar atau tidak tahu (Riwayat al-Timizi: 2317). Rujuklah sesuatu urusan pada ahli dan pakarnya (An-Nahl: 43). Setiap daerah ada sempadan dan batasnya. Hormatilah bidang orang lain agar orang lain juga menghormati bidang kita. Boleh jadi kita bertaraf 'mujtahid' dalam bidang yang kita kuasai sehingga layak diikuti. Tapi dalam bidang lain, kita mungkin bertaraf 'orang awam' yang mesti mengikuti. 'Tabayyun' pula mestilah meliputi segenap aspek termasuk kredibiliti pihak/individu yang mendakwa itu dan ini (Al-Hujurat: 6). Menyanggah atau mempertikai pakar berautoriti tidak salah tapi mesti dengan fakta dan bukti yang empirikal juga. Bukan berasaskan sangkaan atau teori semata-mata. Dengan cara ini, mudah-mudahan kita terhindar dari menyerahkan sesuatu urusan pada bukan ahlinya (Riwayat al-Bukhari: 59) atau membiarkan 'ruwaibidhah' menangani urusan umat (Riwayat Ibn Majah: 4036).



Mohd Rizuan bin Idrus  
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam  
mohdrizuan@penang.gov.my



## ALMARHUM TUAN GURU HAJI ALI BIN HAJI AHMAD

### LATAR BELAKANG

●  
Nama:

Tuan Guru Haji Ali bin Haji Ahmad

●  
Tarikh/Tempat Lahir:

1928 di Pokok Sena, Pulau Pinang

●  
Nama Ayahanda:

Tuan Guru Haji Ahmad bin Tun Hussin Kedah

### PENDIDIKAN

Sekolah Kebangsaan  
Ara Rendang,  
Pokok Sena

Rendah

Berguru kepada  
ayahandanya  
selama beberapa  
tahun

Menengah

Dar 'Ulum, Makkah di bawah  
pimpinan Musnid Donya  
Syeikh Muhammad Yasin  
bin Isa al-Fadani

Tinggi 1950

Kinayah,  
Mesir

Tinggi 1960

### TOKOH ULAMA (GURU-GURU BELIAU)

- 1 ::> Al-Muhaddith Musnid Donya Syeikh Yasin bin Isa al-Fadani
- 2 ::> Syeikh Hassan Masysyath
- 3 ::> Syeikh Sayyid Amin Kutbi
- 4 ::> Syeikh Wan Ismail bin Wan Abdul Qodir al-Fathani (Pak Da Eil Makkah)
- 5 ::> Syeikh Abdul Qodir al-Mandili

### KERJAYA DAN SUMBANGAN

Setelah beberapa tahun melanjutkan pengajiannya di Mesir, beliau pulang ke tanah air dan memberi khidmat bakti sepenuhnya menjadi murid dan tenaga pengajar di Madrasah Al-Khairiah Al-Islamiah bagi menyambung perjuangan datuk dan ayahandanya tercinta.

# AKTIVITI JABATAN

**16-17  
Februari  
2021**

**Bengkel ICT Siri 1/2021  
Secara Dalam Talian**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**30  
Mac  
2021**

**Bengkel Kajian Fatwa Siri 1/2021**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**25  
Februari  
2021**

**Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2021**

**4-6  
April  
2021**

**Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa  
Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2021**  
Ixora Hotel Pulau Pinang

**10  
Mac  
2021**

**Wacana Falak Siri 1/2021  
Secara FB Live**  
Penang Digital Library

**21  
April  
2021**

**Bengkel Kajian Fatwa Siri 2/2021**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**16  
Mac  
2021**

**Program Pendidikan & Taklimat Falak**  
Klinik Care & Cure, Bukit Mertajam

**26  
April  
2021**

**Diskusi Falak Siri 1/2021  
Secara FB Live**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**23-24  
Mac  
2021**

**Mesyuarat Jawatankuasa Falak  
Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2021**  
Hotel Mercure, Tanjung Bungah

**27  
April  
2021**

**Mesyuarat JKPAK/JKPA Bil.1/2021**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**29  
Mac  
2021**

**Kuliah Tafaqquh Siri 1/2021  
Secara FB Live**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**28  
April  
2021**

**Bengkel Penggubalan Modul SALAF  
& Retreat Sahabat Falak**  
Kompleks Darul Hidayah

**26  
Mei  
2021**

**Diskusi Falak Siri 2/2021  
Secara FB Live**  
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang



**Saufi bin Redzuan**  
Pembantu Hal Ehwal Islam  
saufiredzuan@penang.gov.my



**Mohd Zulhelmi bin Mohd Yusof**  
Pegawai Sains  
zulhelmi@penang.gov.my

## PENENTUAN / PENGESAHAN Tahun 2021 ARAH KIBLAT

Tarikh	Lokasi Premis/Masjid/Surau
7 Januari	Integrated Modern Environmental Control Sdn. Bhd., Pusat Perniagaan Juru Avenue, Simpang Ampat.  KPDNHEP Cawangan Timur Laut
5 Februari	Tanah Perkuburan Kariah Masjid Sembilang, Seberang Jaya
17 Februari	Surau Ar-Rahman Kawasan Industria IKS, Taman Alma Jaya
04 Mac	Masjid Kariah Taman Pelangi, Perai
08 Mac	Surau Pantai Pasir Panjang
12 Mac	Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang, Tingkat 34, KOMTAR
16 Mac	Gurney Paragon Mall
18 Mac	Emerald Residence Bayan Lepas
19 Mac	Lam Research International Sdn Bhd. Bayan Lepas
23 Mac	Surau Tuan Haji Mohd Taha, Pekan Baru Teluk Air Tawar
31 Mac	Eco Terraces, Jalan Paya Terubong
05 April	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pejabat Negeri Pulau Pinang
08 April	Pejabat Tanah & Galian Negeri Pulau Pinang, KOMTAR
13 April	Surau Taman Dato' Syed Abbas, Jelutong
20 April	Smith & Nephew Operation Malaysia Sdn. Bhd., Taman Perindustrian Batu Kawan
22 April	Masjid Kapitan Keling
26 April	Surau Krystal Heights, Gelugor
	Surau Kondominium One Tanjung, Tanjung Bungah
	Surau Rambai Terrace, Paya Terubong



## CERAPAN HILAL DI PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

**13-14 Mac 2021**  
Cerapan Hilal Syaaban 1442H

**11-12 April 2021**  
Cerapan Rasmi Hilal Ramadan 1442H

**11-12 Mei 2021**  
Cerapan Hilal Rasmi Syawal 1442H

قاموس مصطلحات الفضاء		
Melayu	English	عرب
Alam Semesta	Universe	الكَوْن
Marikh	Mars	المَرِيخ
Zuhrah	Venus	الرُّهُرَة
Musyteri	Jupiter	المُشْتَرِي
Zuhal	Saturn	زُحَل
Uranus	Uranus	أُورَانُوس
Neptun	Neptune	نِبْتُون
Komet	Comet	مُدْتَب
Meteor	Meteor	شِهَاب
Asteroid	Asteroid	كُويكب - نُجِيم
Meteorit	Meteorite	نَيْرُك
Nebula	Nebula	السَّديم
Hujan Meteor	Meteor Shower	سَيْلُ التِّيَارِك
Cakerawala	Solar System	النِّظَامُ الشَّمْسِي
Orbit	Orbit	مَدَار
Atmosfera	Atmosphere	الغَلَاظُ الجَوِّي
Supernova	Supernova	نَجْم مُتَفَجِّر
Graviti	Gravity	الجاذبيَّة
Gerhana Matahari	Sun Eclipse	كُسُوفُ الشَّمْس
Gerhana Bulan	Moon Eclipse	حُسُوفُ القَمَر



**Nurusslimi binti Syamsul Bahri**  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
nrslmi08@gmail.com

## Bengkel ICT Siri 1/2021

**Pulau Pinang** - Bahagian Rujukan Maklumat telah menganjurkan Bengkel ICT Siri 1/2021 yang diadakan secara atas talian (*video conference*) menggunakan aplikasi *Conferences MyGovUC 2.0*. Bengkel ini telah diadakan secara dua (2) sesi pada 16 Februari 2021 dan 17 Februari 2021. Bengkel ICT ini merupakan antara program tahunan Bahagian Rujukan Maklumat.

Bengkel ini telah dipimpin oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Jabatan iaitu Cik Siti Asmah binti Abdul Manap. Semua

kakitangan JMNPP dari setiap bahagian telah melibatkan diri dalam bengkel ini.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menambah kemahiran kakitangan JMNPP dan sebagai latihan kepada setiap peserta mengenai penggunaan asas e-mel rasmi MyGovUC 2.0. Selain itu, peserta bengkel juga diberi panduan dan tips bagi ujian DKICT (Dasar Keselamatan ICT).

## Wacana Falak Siri 1/2021

**Pulau Pinang** - Program Wacana Falak Tahun 2021 telah diadakan pada tanggal 10 Mac 2021 Masihi bersamaan 26 Rejab 1442 Hijrah bertempat di Digital Library, Pulau Pinang. Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuat kuasa, wacana ini diadakan dengan penyertaan yang terhad dan secara atas talian iaitu melalui aplikasi *Conferences* dan *Facebook Live*. Seramai 70 orang peserta telah mengikuti program ini melalui dua (2) medium di atas termasuk yang hadir secara fizikal di lokasi program.

Seramai dua (2) orang pembentang dijemput untuk menjayakan wacana pada tahun ini. Mereka ialah:

- Al-Fadhil Dr. Mohd Fahmi bin Abdul Khir (Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Perak)-Tajuk: Tadabbur Surah Al-Isra
- Al-Fadhil Ts. Dr. Muhammad Nazir bin Mohamad Khalid (Penulis Buku: Meneroka Rahsia STEM; Science, Technology, engineering Math dalam Al-Quran)-Tajuk : Inspirasi Ilmu STEM Menerusi Peristiwa Israk & Mikraj

## Program Pendidikan Falak

**Bukit Mertajam**, 16 Mac 2021 – Bahagian Falak dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) berpeluang mengadakan program pendidikan falak yang bermula pada jam 10.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah hari. Program ini merupakan anjuran Klinik Care & Cure, Bukit Mertajam.

Sempena Israk dan Mikraj yang mulia, seramai 150 orang peserta dengan mematuhi prosedur SOP yang ditetapkan dapat mengikuti taklimat falak yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Ferdaus bin Hashim; Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (JMNPP) dengan tajuk "Israk Mikraj dan Pengenalan Ilmu Falak".

Tujuan program ini adalah bersempena bulan Rejab 1442H bagi menghayati kebesaran Allah dan mengambil iktibar daripada kisah-kisah yang disabdakan oleh junjungan besar Nabi ketika diperjalankan (Israk dan Mikraj) pada malam tersebut.

## Kuliah Tafaqquh Siri 1/ 2021

**Pulau Pinang** - Pada tanggal 29 Mac 2021, Bahagian Fatwa dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) telah berpeluang menganjurkan Kuliah Tafaqquh Siri 1/2021 (Bab Puasa) secara atas talian menggunakan aplikasi *Conferences (webmail)*. Program yang bermula pada jam 9.00 pagi sehingga jam 4.00 petang ini telah dihadiri oleh 50 orang peserta yang terdiri daripada jabatan dan agensi kerajaan Pulau Pinang.

Kuliah Tafaqquh ini telah disampaikan oleh Sohibul Fadhilah Tuan Guru Haji Mohd Salmi bin Suhaimi menggunakan kitab Anak Kunci Syurga (Bab Puasa). Tujuan kuliah ini diadakan bertujuan sebagai penyuntik semangat kepada para peserta untuk mempersiapkan diri dengan baik sempena menyambut bulan Ramadhan akan datang.

Selain itu, sijil penyertaan turut diberikan kepada peserta berdasarkan pengesahan kehadiran penuh sepanjang program berlangsung.

## Diskusi Falak Siri 1/2021

**Pulau Pinang** - Program Diskusi Falak Siri 1/2021 telah diadakan oleh Bahagian Falak secara atas talian menggunakan aplikasi *Facebook* Pusat Falak Sheikh Tahir, sesuai dengan saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengelakkan perhimpunan bersemuka secara terbuka. Program yang dijalankan pada tarikh 26 April 2021 ini telah berlangsung dari jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari. Seramai 40 orang peserta telah mengikuti diskusi ini.

Diskusi Falak Siri 1/2021 telah menampilkan Dr. Abdul Halim bin Abdul Aziz yang merupakan Ahli Panel Pakar Falak JAKIM dan Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang sebagai panelis program dan digandingkan bersama Sahabat Falak JMNPP sebagai moderator program iaitu, saudara Muhammad 'Izzat bin Mohd Zubir. Program ini diadakan bertujuan untuk membahas dan membincangkan isu-isu semasa berkaitan falak.

## Retreat Sahabat Falak 2021

**Kepala Batas**, 28 April 2021- Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang telah mengadakan program Retreat Sahabat Falak di Kompleks Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam, Kepala Batas, Pulau Pinang. Program ini dihadiri seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada warga JMNPP dan Sahabat Falak.

Program yang berlangsung bermula daripada 2.30 petang hingga 10.30 malam ini bertujuan menghimpunkan idea dan cadangan penambahbaikan untuk program-program falak sepanjang tahun 2021. Antara yang turut dibincangkan ialah berkaitan pelaksanaan Sijil Asas Lanjutan Falak yang merupakan kesinambungan kepada Sijil Asas Falak yang telah dianjurkan sebelum ini.





## SOALAN

Apakah hukum solat jemaah wanita di masjid dan surau, apabila pihak masjid perlu membuka segala tirai atau pintu yang melindungi pandangan dari melihat Imam. Bolehkah tuan berikan pencerahan mengenai perkara ini kerana beberapa masalah telah timbul akibat daripada perkara ini iaitu:

1. Aurat wanita terdedah kepada jemaah lelaki kerana pengurusan masjid akan terus membuka tirai/pintu ketika mana jemaah wanita sedang memakai telekung atau sedang bersolat.
2. Ketika dalam masa mendirikan solat sunat, pergerakan jemaah lelaki dan wanita terdedah antara satu sama lain di mana kurang manis bagi jemaah wanita melihat jemaah lelaki ketika rukuk begitu juga ketika jemaah wanita rukuk. Terasa malu sangat didedahkan dan dipertontonkan, bukankah walaupun dalam masjid aurat tetap perlu dipelihara?
3. Ketika dalam waktu menunggu untuk solat, jemaah lelaki sentiasa berulang alik dan secara spontan akan beralih melihat jemaah wanita kerana kami tidak dilindungi dengan tirai atau pintu. Hal ini menimbulkan rasa tidak selesa kerana batas-batas aurat wanita sentiasa terjejas.

## JAWAPAN

Pada asalnya, tiada tirai. Ini berlaku pada zaman Nabi ﷺ iaitu para sahabat wanita bersolat di belakang jemaah saf sahabat lelaki. Namun, perubahan zaman membawa kepada perubahan suasana iaitu bahagian wanita ditutup dengan tirai atau langsir.

Ini adalah baik kerana adat kebiasaannya wanita menggunakan kain telekung untuk bersolat. Mereka akan membuka tudung kepala untuk memakai kain telekung. Begitu juga wanita dapat berehat seketika dalam ruang kawasan jemaah wanita tanpa berasa segan dan malu kepada jemaah lelaki kerana pandangan lelaki terhalang dengan adanya tirai.

Bagi menjawab persoalan ini kami bahagikan kepada dua situasi;

### Pertama: Dalam Masjid

Dalam solat berjemaah, mengadakan tabir / tirai hukumnya harus dan sah solat jemaah tersebut walaupun ada dinding antara keduanya beberapa binaan seperti telaga, (sutih) bumbung terbuka yang boleh solat padanya dan menara dengan syarat binaan itu ada pintu terus ke masjid atau pintu terus ke sutuhnya, walaupun pintunya tertutup dengan dikunci atau tidak sekira-kira makmum boleh bergerak kepada Imam. Namun jika menggunakan tabir atau menggunakan kain tirai walaupun daripada kain yang tidak tebal seeloknya dibukakan sedikit. Manakala tabir atau tirai tidak perlu dibukakan kesemuanya cukup hanya sekadar dapat dilihat oleh seorang jemaah wanita bagi mewakili jemaah wanita yang lain. Ia bertujuan membolehkan makmum wanita dapat mengetahui pergerakan Imam dengan cara melihat jemaah lelaki di hadapan kerana tirai sedikit terbuka atau tidak perlu dibuka jika tirai agak nipis dan nampak pergerakan makmum di sebalik tirai nipis tersebut.

Antara syarat penting dalam solat berjemaah ialah makmum mengetahui pergerakan Imam:

1. Pengetahuan ini diperoleh dengan melihat pergerakan Imam, atau
2. Melihat pergerakan makmum lain, atau
3. Mendengar suara Imam, atau
4. Mendengar suara bilal yang menguatkan suaranya (muballigh).

Sama ada sah atau tidak jika tirai ditutup tanpa dibuka sedikit, terdapat pandangan menyatakan bahawa solat berjemaah sebegitu tidak sah. Namun begitu, ia bukanlah satu kesepakatan para ulama.

Menurut Ibn Qudamah rahimahullah; Jika terdapat halangan antara Imam dan makmum yang mengikutinya, iaitu yang menghalang pandangan dari melihat Imam atau makmum yang bersolat di belakangnya, maka terdapat 2 pandangan yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad rahimahullah;

1. Tidak sah bersolat di belakangnya
2. Sah solat di belakangnya kerana dia berupaya mengikuti Imam tanpa melihatnya, sebagaimana orang buta lakukan. Akan tetapi, untuk solat di belakang Imam menjadi sah, dia hendaklah berupaya mendengarnya [*al-Mughni*, 2/208].



## **Kedua:** Bangunan selain masjid seperti surau

Manakala syarat-syarat sah jemaah di dalam bangunan selain masjid pula adalah seperti berikut;

1. Mengetahui perpindahan (pergerakan) Imamnya, berdasarkan ijmak ulama.
2. Disyaratkan tiada halangan yang boleh menghalang makmum untuk pergi kepada Imamnya dengan berjalan biasa, tanpa berbelok-belok (berkelok-kelok/berliku-liku) sehingga berpaling dari arah kiblat (membelakangi kiblat).

Jika terdapat halangan yang boleh menghalang makmum untuk pergi kepada Imamnya sekalipun dia tidak menghalang pandangan makmum tersebut seperti jendela, jaring-jaring, cermin dan seumpamanya, maka ia **tetap tidak sah** kerana di antara jemaah tersebut terdapat halangan yang menghalang untuk dilalui oleh makmum. Ia seumpama hukum dinding.

1. Disyaratkan tiada halangan yang boleh menghalang pandangan makmum kepada Imam/makmum yang terakhir. Halangan tersebut termasuklah dinding, tirai atau tabir tebal yang dilabuhkan sehingga ia boleh menghalang pandangan makmum dan pintu yang tertutup sekalipun ia tidak dikunci serta boleh dilalui oleh makmum. Hal ini adalah kerana ia boleh menghalang pandangan makmum kepada Imam/makmum yang terakhir.
2. Namun, menurut Syeikh Ahmad al-Fatoni, jika tirai atau tabir tersebut jarang (nipis) sekira-kira ia tidak menghalang pandangan makmum kepada Imam/makmum yang terakhir, maka sayugia dihukumkan sah *qudwah* (mengikut Imam) tersebut. Ini kerana, ia tidak menghalang makmum untuk pergi kepada Imamnya dengan berjalan biasa, tidak menghalang pandangan makmum kepada Imam/makmum yang terakhir dan tidak menghalang mereka daripada sempurna berhimpun di sesuatu tempat.

3. Disyaratkan juga pandangan tersebut adalah dari tempat yang boleh dilalui oleh makmum.

4. Disyaratkan jarak mereka tidak terlalu jauh menurut majoriti ulama. Ditetapkan oleh Imam Shafi'i, jarak tersebut hendaklah tidak melebihi 3 ratus hasta (150 meter).

**Kesimpulannya**, kami sarankan demi menjaga kemaslahatan dan keselesaan kaum wanita untuk bersolat jemaah adalah digalakkan untuk meletakkan tabir yang memisahkan antara jemaah lelaki dan wanita. Keadaan tabir di dalam bangunan masjid adalah memadai tanpa perlu membukanya jika sekiranya para jemaah wanita boleh mengetahui pergerakan Imam dengan hanya mendengar suara Imam dan mengetahui pergerakan Imam melalui pembesar suara. Namun begitu adalah lebih baik disediakan tirai yang jarang yang boleh dilihat melaluinya jemaah lelaki paling belakang di dalam saf yang solat bersama dengan Imam bagi mengetahui pergerakan Imam dengan cara melihat pergerakan makmum tersebut. Keadaan ini sebagai penyelesaian jika sekiranya berlaku kemungkinan suara Imam tidak kuat atau terputus bekalan elektrik yang menyebabkan suara Imam tidak dapat didengari melalui pembesar suara.

Manakala bagi solat jemaah yang diadakan di bangunan selain masjid seperti surau dan lain-lainnya, maka hukum menggunakan tabir / tirai juga adalah harus. Namun begitu tabir / tirai yang digunakan hendaklah **dibuka sedikit** bagi membolehkan makmum wanita dapat mengetahui pergerakan Imam dengan cara melihat jemaah lelaki di hadapan dan ia tidak memadai dengan hanya mendengar suara Imam. Tabir / tirai itu juga hendaklah **boleh dilalui oleh makmum wanita untuk sampai kepada Imam** atau makmum dalam saf terakhir sebagai syarat sah mengikut Imam untuk dikira sempurna berhimpun di dalam satu tempat. Jika tidak, solat secara berjemaah tersebut tidak sah.



**Salmi Aida binti Samsimir**  
Pembantu Tadbir Kanan  
salmi\_aida@penang.gov.my

# Selamat Datang

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin mengalu-alukan kedatangan dua (2) orang pegawai di Jabatan ini. Semoga dengan kehadiran mereka di Jabatan ini akan terus memperlengkapi dan memperkasakan organisasi ini dalam menjayakan visi dan misinya.



**Puan Rohani  
binti Ameerjan**

(Pembantu Tadbir  
(Perkeranian/Operasi)-N19)



**Encik Muhammad Husaini  
bin Abdul Razak**

(Pembantu Operasi – N11)  
pada 15 Mac 2021

# Ahli Baru JMNPP

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang juga mengalu-alukan kedatangan tiga (3) orang **Pegawai Penyelidik** bagi **Unit Buhuth (Bahagian Fatwa)** di Jabatan ini. Semoga dengan kehadiran mereka di Jabatan ini akan terus memperlengkapi dan memperkasakan organisasi ini dalam mencapai visi dan misinya.



**Ahmad Mamduh bin Mohd Zulkifli**

Sarjana Fiqh Nawazil/  
Universiti Cadi Ayyad Marrakech,  
Maghribi



**Muhamad Rusydan bin Muhamad Yusup**

Sarjana Muda Syariah Islamiah/  
Universiti Al-Azhar, Kaherah



**Nuur Shafira binti Shafidan Jarong**

Sarjana Muda Sastera (Bahasa Arab  
Untuk Komunikasi Antarabangsa)/  
Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia



## Sekalung Tahniah diucapkan kepada

## CAHAYA MATA

dua (2) orang pegawai ini atas kelahiran cahaya mata baru. Semoga Allah memberkati bagimu kelahiran bayi yang dianugerahkan kepadamu. Lalu engkau bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan kepadamu. Semoga apabila anak itu dewasa, kamu akan dikurniakan kebaikan daripadanya.



Nama Ayah  
**Encik Hadi bin Mohamad Zakaria**  
Nama Anak  
**Haseena Delisha binti Hadi**  
Tarikh Lahir : **31 Mac 2021**



Nama Ayah  
**Munir Hafifie bin Sabdin**  
Nama Anak  
**Madeena Az-Zahra binti Munir Hafifie**  
Tarikh Lahir : **19 Mei 2021**





# Tahniah



Sekalung tahniah diucapkan kepada **Encik Ahmad Yusof Farid bin Abdullah** yang telah menerima **Pingat Jasa Kebaktian (PJK)** di Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 bertempat di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pada **11 Mac 2021**.

## PENERBITAN JMNPP TAHUN 2020





## في المدرسة...



حسنًا يا معلم!

مرحبا بالعودة إلى المدرسة يا أيها الطلبة! عرفت بأنكم تشعررون مسرور بمقابلة أصدقائكم، ولكن لا تنسوا ما زالت دولتنا لم تسيطر على الوباء كوفيد-19 شاملًا بعد.

قبل أن نبدأ، هيا نتذكر عن إجراءات التشغيل القياسية التي قررتتها الحكومة لنا

إذن علينا أن نطيع إجراءات التشغيل القياسية (SOP)

واحتفاظ بالتباعد الشخصي يا معلم

ارتداء قناع الوجه

غسل اليدين بالماء والصابون جيداً

نعم يا معلم!

الحمد لله كلكم فاهمون. طاعة إجراءات التشغيل القياسية ليس فقط في المدرسة، بل في الخارج أيضاً. ونسأل الله أن يرفع عنا هذا الوباء عاجلاً، آمين.

Cabaran cari kata di bawah menyimpan 20 kata kunci berkaitan nama planet dan nama buruj. Berdasarkan klu yang disediakan, cuba kenal pasti kesemuanya.

M	A	B	C	D	E	U	T	A	R	R	D	F	G	H	T	I	J	K	H
A	Z	Y	X	W	V	U	T	S	R	S	Q	P	O	N	N	M	S	L	G
R	A	A	E	D	E	F	G	H	I	J	U	K	L	M	N	O	C	P	E
R	B	D	Q	C	Z	Y	X	W	V	S	U	N	T	S	R	A	O	Q	M
K	C	C	F	U	J	C	I	H	G	A	F	E	A	D	P	C	R	B	I
H	D	B	G	B	A	R	S	T	U	G	V	W	X	R	Y	Z	P	A	N
A	E	A	H	N	Q	R	P	O	N	I	M	L	I	K	U	J	I	I	I
D	F	Z	C	A	X	Y	I	Z	A	T	B	C	C	D	E	F	O	G	H
D	G	E	I	Z	W	V	U	U	T	A	O	S	R	Q	P	O	N	M	L
A	R	Y	J	P	Y	Z	A	B	S	R	C	D	E	F	G	H	I	J	K
J	H	X	K	Y	I	X	W	V	N	I	U	T	S	O	R	Q	P	O	N
N	I	W	L	X	B	E	C	D	E	U	F	G	E	H	I	J	K	L	M
Z	U	H	A	L	A	Z	C	Y	X	S	W	L	V	U	T	T	S	R	I
A	J	V	M	W	H	V	I	E	J	K	L	M	I	N	A	O	P	Q	R
M	K	U	A	V	I	G	F	E	S	D	C	B	A	B	U	M	I	Z	A
U	L	T	N	R	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	R	W	X	Y	T
O	M	S	G	U	I	L	K	N	E	P	T	U	N	J	U	A	I	H	Y
I	N	O	O	T	V	E	W	X	Y	Z	A	B	C	D	S	E	F	G	S
E	O	R	P	S	T	U	S	S	R	Q	P	O	N	M	L	K	J	I	U
A	P	Q	Q	R	A	B	C	D	E	Z	U	H	R	A	H	F	G	H	M

## Klu

- Merupakan satu-satunya tempat di alam semesta di mana kehidupan wujud
- Planet terkecil dalam sistem suria
- Planet paling sejuk
- Mempunyai sistem gelang atau cecincin yang utama
- Saiz dan graviti hampir sama dengan bumi
- Mempunyai 2 bulan : Phobos & Demos
- Mempunyai gelang tetapi tidak dapat dilihat dari bumi
- Planet ke -7
- Buruj kala jengking
- Buruj yang menandakan bermulanya musim sejuk
- Buruj Singa
- Buruj Alat Timbangan
- Tarikh 21 Mac – 20 April
- Bersebelahan buruj Scorpio
- Mudah dilihat dengan mata kasar
- The Twin
- Buruj yang dikenali dengan nama arab “Al-jaddi”
- Buruj “Sunbulah”
- Gambaran seorang lelaki dengan jug
- The fish